

CADANGAN MAKLUMBALAS Q&A SEMINAR BELANJAWAN 2025

No.	Soalan	Cadangan maklumbalas
1.	Jika sebuah syarikat memohon tadbir urus cukai korporat, adakah kita masih perlu mengupah ejen cukai, atau bolehkah kita berurusan terus dengan pegawai LHDN? Bolehkah ejen cukai yang mewakili syarikat menjadi penyemak bebas? <i>If a company applies for corporate tax governance, do we still need to hire a tax agent, or can we liaise directly with an IRB officer?</i> <i>Can tax agent of the company become the independent reviewer?</i>	Seperti yang digariskan dalam Garis Panduan Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat bertarikh 23 Februari 2024 (Perenggan 6.3), penyertaan dalam Program Tadbir Urus Cukai Korporat (TCG) memerlukan pembayar cukai untuk melengkapkan beberapa langkah, bermula daripada persediaan sehingga penyelesaian semakan oleh LHDN. Walaupun penglibatan ejen cukai tidak diwajibkan untuk menyertai program ini, pelantikan penyemak bebas untuk menjalankan semakan terhadap Rangka Kerja TCG syarikat (TCGF) adalah satu keperluan mandatori. Seperti yang digariskan dalam Soalan Lazim (FAQ) mengenai TCGF dan Garis Panduan TCG, sebuah syarikat boleh melantik salah satu daripada berikut sebagai penyemak bebas, tertakluk kepada terma dan syarat yang berkenaan: a) Ejen cukai yang diluluskan; b) Juruaudit dalaman yang memiliki kelayakan yang sesuai; atau c) Individu bebas yang berkelayakan. <i>As outlined in the Guidelines: Tax Corporate Governance Framework (TCGF) dated 23 February 2024 (Paragraph 6.3), participation in the Tax Corporate Governance (TCG) Programme requires taxpayers to complete several steps, from getting ready to the conclusion of the review by the IRBM.</i> <i>While engaging a tax agent is not mandatory for joining the programme, appointing an independent reviewer to conduct a review of the company's TCGF is a compulsory requirement.</i> <i>As outlined in our FAQs on TCGF and TCG Guidelines, a company may appoint</i>

CADANGAN MAKLUMBALAS Q&A SEMINAR BELANJAWAN 2025

No.	Soalan	Cadangan maklumbalas
		<i>one of the following as an independent reviewer subject to applicable terms and conditions:</i> <i>a) An approved tax agent</i> <i>b) An internal auditor with appropriate qualifications</i> <i>c) A qualified independent individual</i>
2.	Kenapa perlu ada "independent reviewer"? Bukankah LHDNM sudah memantau "completeness of corporate governance", jadi pembayar cukai sepatutnya mempercayai LHDN? <i>Why is there a need for an "independent reviewer"? Isn't LHDNM already monitoring the "completeness of corporate governance", thus requiring taxpayers to trust LHDNM?</i>	Bagi tujuan penyertaan Program TCG, tanggungjawab LHDNM adalah untuk menyemak dan menilai kecukupan serta keberkesanan Rangka Kerja Kawalan Percukaian (TCF) organisasi pembayar cukai. Pelantikan penyemak bebas (independent reviewer) adalah perlu dalam Program TCG untuk memastikan objektif, kredibiliti, dan ketepatan dalam menilai Kerangka Tadbir Urus Percukaian Korporat (TCGF) syarikat. Keperluan ini membantu memastikan kerangka tersebut mematuhi garis panduan dan piawaian yang ditetapkan, sekali gus meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam amalan tadbir urus percukaian syarikat. Penilaian bebas ini juga berperanan membina kepercayaan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dalam menunjukkan komitmen syarikat mengekalkan proses tadbir urus percukaian yang kukuh dan boleh dipercayai. <i>For the purpose of participating in the TCG Programme, the IRBM's responsibility is to review and assess the adequacy and effectiveness of the organization's Tax Control Framework (TCF).</i> <i>The appointment of an independent reviewer is necessary in the TCG Programme to ensure objectivity,</i>

CADANGAN MAKLUMBALAS Q&A SEMINAR BELANJAWAN 2025

No.	Soalan	Cadangan maklumbalas
		<i>credibility, and accuracy in evaluating the organization's Tax Corporate Governance Framework (TCGF). This requirement helps ensure that the framework complies with the guidelines and standards set, thereby enhancing transparency and accountability in the company's tax governance practices.</i> <i>This independent review also plays a role in building trust with the IRBM by demonstrating the organization's commitment to maintaining a strong and reliable tax governance process.</i>
3.	Adakah surat pengesahan penyertaan TCG/sijil yang dianugerahkan kepada sesuatu syarikat terpakai kepada syarikat lain dalam kumpulan yg sama jika mereka mempunyai <i>control framework</i> yang sama? <i>Is the TCG confirmation letter of participation/certificate awarded to a company applicable to other companies within the same group if they share the same control framework?</i>	Tidak. <i>No.</i>
4.	Adakah SME yang baru bermula selama 2-3 tahun juga boleh memohon untuk menyertai Program TCG? <i>Can SMEs that have only been established for 2–3 years apply to join the TCG Programme?</i>	Pada masa ini, LHDNM lebih tertumpu kepada syarikat dengan perolehan RM100 juta atau lebih untuk Program TCG. Oleh itu, syarikat PKS yang biasanya mempunyai perolehan di bawah had ini mungkin tidak layak untuk memohon mengikut garis panduan semasa. Walau bagaimanapun, adalah disarankan untuk menghubungi LHDNM secara langsung bagi mendapatkan sebarang pengesahan lanjut. <i>Currently, the IRBM focuses more on companies with a turnover of RM100</i>

CADANGAN MAKLUMBALAS Q&A SEMINAR BELANJAWAN 2025

No.	Soalan	Cadangan maklumbalas
		<i>million or above for the TCG Programme. Therefore, SMEs, which typically have a turnover below this threshold, may not qualify to apply under the current guidelines.</i> <i>However, it is advisable to contact the IRBM directly for further confirmation.</i>
5.	Senario: Pembayar cukai telah diaudit sehingga TT 2020 dan bersetuju untuk menyertai program TCG program tahun 2025. Adakah LHDNM boleh menjalankan audit bagi TT 2021 hingga 2024? <i>Scenario: The taxpayer has been audited up to YA 2020 and agrees to participate in the TCG Programme in 2025.</i> <i>Can LHDNM conduct an audit for YA 2021 to 2024?</i>	Ya, LHDNM masih boleh menjalankan audit bagi TT 2021 hingga 2024. Pembayar cukai yang memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh LHDNM akan dianggap layak untuk menikmati manfaat program dan tidak akan dikenakan audit atau siasatan. Manfaat ini hanya terpakai untuk tahun taksiran selepas semakan TCG seperti yang dinyatakan dalam surat pengesahan penyertaan. <i>Yes, the IRBM can still conduct audits for YA 2021 to 2024.</i> <i>Taxpayers who meet the requirements and criteria set by the IRBM will be deemed eligible to enjoy the benefits of the programme and will not be subjected to audits or investigations. These benefits only apply to the years of assessment following the TCG review as stated in the confirmation letter of participation.</i>
6.	Adakah Program TCG ini satu platform seperti MyTax? Is the TCG Programme a platform like MyTax?	Pada masa ini, TCG bukan sebahagian daripada platform MyTax. Ia adalah program yang bertujuan untuk memperkukuh tadbir urus percukaian dan pematuhan bagi syarikat yang layak melalui pelaksanaan TCF yang menyeluruh. <i>Currently, the TCG Programme is not part of the MyTax platform. It is a programme aimed at strengthening tax governance and compliance for eligible companies</i>

CADANGAN MAKLUMBALAS Q&A SEMINAR BELANJAWAN 2025

No.	Soalan	Cadangan maklumbalas
		<i>through the implementation of a comprehensive TCF.</i>
7.	Bagaimana organisasi yang mempunyai perolehan kurang daripada RM100 juta dan tidak layak untuk menyertai program ini boleh membuat rujukan bagi rangka kerja dan garis panduan TCG untuk dilaksanakan di peringkat organisasi? <i>How can organizations with a turnover of less than RM100 million, which are not eligible to participate in this programme, refer to the TCG framework and guidelines to be implemented at the organizational level?</i>	Organisasi digalakkan untuk melaksanakan TCF walaupun tidak menyertai Program TCG. Sebagai panduan, organisasi boleh merujuk kepada Rangka Kerja TCG dan Garis Panduan TCG yang disediakan di laman sesawang LHDNM. <i>Organizations are encouraged to implement the TCF even if they do not participate in the TCG Programme. As a guideline, organizations can refer to the TCG Framework and TCG Guidelines provided on the IRBM website.</i>